

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI HIDUPAN LIAR**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Hidupan Liar Gred G41, G44, G48, G52, G54.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menguruskan sumber kepelbagaian biodiversiti negara di dalam Kawasan Perlindungan, menguatkuasakan Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2012 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (CITIES) [Akta 686], melaksanakan aktiviti konservasi hidupan liar, membangun sumber rekreasi ekopelancongan, mengurus program latihan, kesedaran awam dan menjalankan penyelidikan biodiversiti.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Pegawai Hidupan Liar Gred G41**

- a. Mengetuai pasukan dalam menjalankan tugas penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta CITES [Akta 686].
- b. Menyelaraskan urusan berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pelanggaran akta pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] yang akan dihadapkan ke mahkamah.
- c. Memantau urusan pengeluaran lesen-lesen berkaitan dengan hidupan liar dan permit CITES (import dan eksport hidupan liar).
- d. Menyemak dan memantau laporan pencapaian kes di peringkat ibu pejabat dan negeri.
- e. Menyediakan laporan pencapaian kes tahunan mengikut negeri-negeri dan ibu pejabat.
- f. Menjalankan aktiviti pengurusan hidupan liar termasuk menyelesaikan masalah konflik hidupan liar dengan manusia.
- g. Menguruskan aktiviti pengurusan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar Jabatan.

- h. Memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan jabatan dan kemudahan rekreasi ekopelancongan di bawah seliaan Jabatan.
- i. Melaksanakan aktiviti program kesedaran awam.
- j. Melaksanakan kursus untuk pegawai dan kakitangan jabatan serta mengadakan program kerjasama kursus dengan agensi luar.
- k. Bertugas sebagai penceramah untuk kursus-kursus anjuran jabatan, kerjasama agensi dan jemputan luar.
- l. Menyelaras Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan dan Khas kepada pegawai dan kakitangan teknikal jabatan.
- m. Menyelia tugas-tugas pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan penerbitan.
- n. Menyelaras aduan dan maklum balas pelanggan.

#### **4.2 Pegawai Hidupan Liar Gred G44**

- a. Membuat merancang aktiviti penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta CITES [Akta 686].
- b. Menyelaraskan urusan berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pelanggaran Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] yang akan dihadapkan ke mahkamah.
- c. Menganalisa laporan pencapaian kes di peringkat ibu pejabat dan negeri.
- d. Membantu dalam merancang aktiviti pengurusan hidupan liar termasuk menyelesaikan masalah konflik hidupan liar dengan manusia.
- e. Membantu dalam merancang projek-projek pembangunan jabatan dan kemudahan rekreasi ekopelancongan di bawah seliaan Jabatan.
- f. Merancang aktiviti kesedaran awam.
- g. Merancang dan melaksanakan kursus untuk pegawai dan kakitangan jabatan serta mengadakan program kerjasama kursus dengan agensi luar.
- h. Bertugas sebagai penceramah untuk kursus-kursus anjuran jabatan, kerjasama agensi dan jemputan luar.

- i. Menyelia tugas-tugas pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, pengurusan sistem maklumat dan penerbitan.

#### **4.3 Pegawai Hidupan Liar Gred G48**

- a. Merancang aktiviti penguatkuasa Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta CITES [Akta 686].
- b. Merancang dan menyelaraskan urusan berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pelanggaran Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] yang akan diadapakan ke mahkamah.
- c. Mengetuai urusan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan.
- d. Merancang keperluan latihan bagi pegawai dan kakitangan.
- e. Mewujudkan rangkaian kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan NGO serta badan antarabangsa dalam bidang biodiversiti.
- f. Merancang keperluan bidang penyelidikan untuk digunakan oleh pegawai penyelidik.
- g. Merancang dan menyelaraskan pengurusan hasil penyelidikan dalam bentuk jurnal, elektronik atau lain-lain penerbitan di peringkat negara dan antarabangsa.
- h. Merancang dan menyelaraskan aktiviti dan kemudahan rekreasi dalam Kawasan Perlindungan.
- i. Merancang dan menyelaraskan Program Kesedaran Awam melalui aktiviti Program Pendidikan Biodiversiti, ceramah dan pameran.
- j. Merancang dan menyelia kebajikan hidupan liar dalam kurungan dari segi pemakanan, jumlah populasi, penyakit, penjagaan, kebersihan, pembiakan, stok dan kawalan.
- k. Merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan Jabatan dan kemudahan rekreasi ekopelancongan di bawah seliaan Jabatan.

#### **4.4. Pegawai Hidupan Liar Gred G52**

- a. Merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan CITES [Akta 686].

- b. Merancang dan memantau pelaksanaan CITES [Akta 686] selaras dengan dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh jabatan dan konvensyen antarabangsa.
- c. Merancang urusan berkaitan dengan risikan, penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pelanggaran Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] yang akan dihadapkan ke mahkamah.
- d. Mengetuai urusan pentadbiran, perkhidmatan, kebajikan dan kewangan.
- e. Merancang dan memantau keperluan latihan untuk warga Jabatan.
- f. Merancang keperluan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan NGO serta badan antarabangsa dalam bidang biodiversiti.
- g. Merancang dan memantau pelaksanaan bidang penyelidikan untuk digunakan oleh pegawai penyelidik.
- h. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan pengurusan hasil penyelidikan dalam bentuk jurnal, elektronik atau lain-lain penerbitan di peringkat negara dan antarabangsa.
- i. Merancang aktiviti dan kemudahan rekreasi dalam Kawasan Perlindungan.
- j. Merancang Program Kesedaran Awam melalui aktiviti Program Pendidikan Biodiversiti, ceramah dan pameran.
- k. Merancang dan memantau kebajikan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar dari segi pemakanan, penyakit, penjagaan, bilangan populasi, kebersihan, pembiakan, stok dan kawalan.
- l. Merancang dan menyelaraskan penyediaan pelan pengurusan keatas spesies-spesies hidupan liar yang terancam, nilai-nilai ekonomi, estetik, perubahan dan lain-lain kepentingan mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh jabatan.
- m. Merancang dan memantau program inventori biodiversiti mengikut keutamaan dan kepentingan kepada jabatan dan negara.
- n. Memantau aktiviti pengurusan hidupan liar yang dijalankan di peringkat negeri serta mewujudkan penyelarasan dalam menyelesaikan masalah hidupan liar yang terancam dan bermasalah.

- o. Merancang dan menyelaraskan penyediaan pelan pelepasan semula spesies hidupan liar yang telah dibiakkan di Pusat Konservasi Hidupan Liar.
- p. Merancang penyediaan Pelan Pengurusan Spesies (protokol pengurusan spesies hidupan liar dalam kurungan) untuk rujukan Pusat Konservasi Hidupan Liar dan pihak swasta yang berminat untuk menjalankan aktiviti konservasi dalam kurungan.

#### **4.5 Pegawai Hidupan Liar Gred G54**

- a. Merancang penyediaan Dasar dan Pelan Pengurusan Kawasan Perlindungan.
- b. Merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti Pelan Pengurusan di Kawasan Perlindungan yang meliputi kawasanseluar 750,000 hektar di semenanjung Malaysia.
- c. Merancang dan menguruskan projek-projek pembangunan ekopelancongan sejajar dengan pelan Ekopelancongan Kebangsaan dan sosial ekonomi penduduk tempatan.
- d. Merancang dan melaksanakan program penglibatan masyarakat setempat selaku *stakeholders* di kawasan sekitar Kawasan Perlindungan.
- e. Merancang dan menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan, penyelidikan dan pengurusan biodiversiti dengan Ibu pejabat dan negeri-negeri.
- f. Bertanggungjawab membuat pemantauan ke atas impak akibat dari aktiviti ekopelancongan dan pencerobohan sempadan di kawasan perlindungan.
- g. Memantau integriti sempadan Kawasan Perlindungan.

### **5. HUBUNGAN KERJA**

#### **Dalaman**

- a. Pihak pengurusan atasan.
- b. Pegawai dan kakitangan Jabatan PERHILITAN di semua peringkat.

#### **Luaran**

- a. Orang awam.
- b. Peniaga, pengeksport, pengimport dan pemilik lesen hidupan liar.

- c. Kementerian/ jabatan agensi-agensi kerajaan.
- d. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- e. Institut pengajian tinggi awam dan swasta dalam dan luar negara.
- f. Pelajar-pelajar sekolah.
- g. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam dan luar negara.
- h. Agensi luar negara.
- i. Pegawai Penyelidik dalam dan luar negara.

**6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.

**7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Ijazah Kedoktoran (Ph.D) yang diiktiraf oleh kerajaan dengan keutamaan dalam bidang biologi, zoologi, perhutanan, sains persekitaran, sains veterinar, biologi pemuliharaan, pengurusan hidupan liar, taman dan rekreasi, sains persekitaran dan yang berkaitan dengannya.
- b. Mempunyai ketahanan fizikal yang kuat untuk tugas di lapangan.
- c. Berkebolehan menulis laporan atau kertas kerja dengan baik.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab, amanah, jujur, disiplin, kerahsiaan dan profesionalisme.
- c. Imej diri yang positif.
- d. Ketahanan fizikal khusus untuk tugas di lapangan.
- e. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat pada bila-bila masa.
- f. Berupaya menyelesaikan masalah dalam keadaan kritikal.

## 9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada ancaman/ serangan hidupan liar.
- b. Terdedah kepada ancaman pesalah-pesalah yang ditangkap/ didenda/ hukum di mahkamah yang melanggar Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan CITES [Akta 686].
- c. Terdedah kepada terkena peluru sesat oleh pemburu haram dan penceroboh dalam kawasan perlindungan.
- d. Tersesat di dalam hutan semasa kerja-kerja inventori hidupan liar, di hempap pokok, terjatuh, gigitan serangga, tercucuk objek tajam, lemas dan serangan penyakit jangkitan daripada hidupan liar.
- e. Kesan sampingan penggunaan ubat bius yang digunakan ketika membius hidupan liar.
- f. Kemalangan ketika menggunakan ubat bius semasa melakukan kerja- kerja membius hidupan liar.
- g. Kemalangan semasa penggunaan senjata api.
- h. Boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak tertentu.
- i. Tekanan kerja.

Sumber : Surat dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) Ruj. JPHL & TN:500-41/1(12) bertarikh 18 September 2012.